

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi

**Insurans Motor
(Perlindungan Komprehensif)**

1. Apakah tentang produk ini?	
Polisi ini memberi insurans terhadap liabiliti kepada pihak lain bagi kecederaan atau kematian kepada harta pihak ketiga, kerosakan kepada pihak lain dan kerosakan akibat kemalangan atau kebakaran kepada kenderaan anda atau kecurian kenderaan anda	
2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?	
Polisi ini melindungi: kecederaan anggota dan kematian pihak ketiga, kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga, kerugian atau kerosakan kepada kenderaan anda disebabkan kebakaran akibat kemalangan, kecurian atau kemalangan. Manfaat pilihan yang mungkin anda ingin membeli dengan bayaran premium tambahan adalah Kerosakan Cermin, Liabiliti Perundangan Kepada Penumpang, Liabiliti Perundangan Penumpang, Kerosakan Yang Timbul Dari Banjir dan Gilinciran Tanah, Rusuhan, Mogok, dan Kekacauan Awam, Tambahan Penama Pemandu, Pembayaran Balik Kos 'Betterment' ^(non tariff) dan Elaun Kesulitan ^(non tariff) , Kereta Sewaan Persendirian ^(Non Tariff) dan Kemalangan Diri Motosikal ^(Non Tariff) . Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui insurans polisi anda setiap tahun.	
3. Berapa premium yang harus saya bayar?	
Premium yang dibayar adalah berdasarkan pelbagai faktor penarafan, seperti Jumlah Diinsuranskan, Pembuatan dan Model Kenderaan, Keupayaan enjin, Umur Yang Diinsuranskan, Jantina Yang Diinsuranskan, Negeri dan sebagainya. Premium lebih mungkin diguna pakai bergantung kepada keperluan pengunderaitan The Pacific Insurance Berhad. Jumlah premium yang anda bayar mungkin berbeza-beza bergantung kepada kelayakan Tanpa Tuntutan (NCD) dan keperluan pengunderaitan The Pacific Insurance Berhad.	
4. Selain daripada premium dan Cukai Kerajaan (jika berkenaan), apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?	
Komisen yang dibayar kepada agen insurans Duti Setem	10% daripada Premium Kasar RM10.00
5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?	
<p>Kontrak Insurans Pengguna</p> <p>Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.</p> <p>Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.</p> <p>Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.</p> <p>Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.</p> <p>Kontrak Insurans Komersial</p> <p>Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.</p> <p>Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.</p> <p>Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.</p> <p>Kepentingan Pendedahan</p> <p>Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kemalangan sebelumnya dan pengubahsuaian pada enjin. Anda mesti memastikan bahawa kenderaan anda diinsuranskan pada nilai pasaran yang sesuai.</p>	
Lebihan Ini adalah amaun kerugian yang anda harus tanggung sekiranya berlaku tuntutan.	
Jumlah Diinsuranskan Ini adalah jumlah maksimum yang akan kami bayar sekiranya kereta anda dicuri atau musnah akibat kejadian yang dilindungi. Terdapat 3 cara untuk menentukan Jumlah yang Diinsuranskan untuk kereta anda:	
(1) Fasal Nilai Dipersetujui (B087) Ini secara amnya berlaku untuk Kereta Persendirian. Ini adalah jumlah yang akan anda terima sebelum menolak Lebihan (jika ada) sekiranya kereta anda dicuri atau musnah.	

Bagaimana menginsuranskan kereta anda berdasarkan Fasal Nilai yang dipersetujui?

- (a) Umur kereta anda hendaklah diantara 0 tahun hingga 15 tahun;
- (b) Pembuatan / model kereta anda tidak termasuk dalam model yang kami kecualikan, seperti trak pikap atau kenderaan sukan berprestasi tinggi;
- (c) Jumlah polisi anda yang diinsuranskan berdasarkan nilai pasaran yang diberikan oleh sistem penilaian pasaran ISM-ABI industri atau anda boleh memilih apa-apa nilai dalam anggaran Jumlah Diinsuranskan yang Disarankan dalam sistem tempat penjualan kami; dan
- (d) Jumlah yang diinsuranskan mestilah dalam lingkungan RM20,000 sehingga RM1,000,000.

(2) Rujukan Sistem Penilaian Pasar Kenderaan Bermotor (B113)

Ini digunakan untuk Kereta Persendirian Komprehensif. Jumlah Diinsuranskan kereta anda akan ditentukan oleh sistem penilaian pasaran ISM-ABI industri pada masa membeli polisi anda dan pada masa kemalangan.

(3) Nilai Pasaran

Jumlah Diinsuranskan berdasarkan Nilai Pasaran umumnya digunakan di mana penilaian pasaran kereta anda tidak tersedia dalam sistem ISM-ABI. Nilai pasaran pada amnya merujuk kepada kos yang berpatutan untuk membeli Kereta lain yang sama, model, umur dan keadaan umum yang serupa dengan kereta anda, pada masa kerugian. Nilai pasaran dapat ditentukan oleh Ibu Pejabat pemegang francais Kereta atau oleh Adjuster yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013,

* Pautan ke sistem ISM-ABI untuk pertanyaan mengenai nilai pasaran kenderaan: <https://www.mycarinfo.com.my/MarketValue>.

6. Apakah pengecualian penting dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sebahagian kerugian, seperti: kematian atau kecederaan anggota badan sendiri akibat kemalangan motor dan liabiliti anda terhadap tuntutan dari penumpang di dalam kenderaan anda, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul dari tindakan semulajadi seperti banjir, ribut atau gelinciran tanah. Senarai ini tidak habis. Sila rujuk kepada sampel polisi kontrak untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad. Selepas pembatalan, anda berhak mendapatkan sejumlah bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek, dimana sebarang premium minima yang telah dibayar dibawah polisi ini tidak dikembalikan.

8. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting bahawa anda memberitahu The Pacific Insurance Berhad tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

9. Bagaimana saya membuat tuntutan?

The Pacific Insurance Berhad mesti diberitahu secara bertulis bersama-sama huraian terperinci dengan segera mungkin selepas kejadian yang mungkin menjadi bahan tuntutan di bawah polisi ini. Semua kemalangan mestilah dilaporkan kepada Polis seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang. Setelah membuat laporan polis, kereta anda dapat dihantar ke bengkel pembaikan yang disetujui oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM). Sekiranya berlaku kerosakan pada cermin, di mana penambahan cermin depan dilanjutkan, kereta anda boleh dihantar ke mana-mana kedai pembaikan cermin, serta bengkel pembaikan yang disetujui oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM).

Untuk senarai lengkap bengkel yang diluluskan oleh PIAM, sila rujuk pautan di bawah:

<https://piam.org.my/consumer-industry-pars-search-for-piam-approved-repairers/>

10. Apakah jenis perlindungan insurans motor lain yang terdapat di The Pacific Insurance Berhad?

Jenis perlindungan insurans motor lain yang ada termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Perlindungan Bagi Pihak Ketiga
- (b) Perlindungan Bagi Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian

11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans motor, sila rujuk kepada buku kecil maklumat insurans tentang 'Insurans Motor', terdapat di semua cawangan The Pacific Insurance Berhad atau lawati www.insuranceinfo.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, sila hubungi:

The Pacific Insurance Berhad
40.01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Talian bebas tol: 1800 88 1629
Email: customerservice@pacificinsurance.com.my Lamanweb: www.pacificinsurance.com.my

12. Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.:

.....
Tandatangan

NOTA PENTING:

ANDA HARUS PASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERPATUTAN KERANA IANYA MENGAKIBAT JUMLAH YANG ANDA BOLEH TUNTUT. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN AGEN INSURANS

ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN DALAM LAMPIRAN PENDEDAHAN INI ADALAH SAH PADA 14-06-2021

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.